



POLISI OPERASI

JAWATANKUASA PROMOSI KESIHATAN & ANTI-DADAH HOSPITAL KOTA MARUDU

Disediakan Oleh :

Nama : Nor Azwani binti Mohd. Ali
Jawatan : Pegawai Farmasi UF44
Tarikh : 24 APRIL 2019

Disahkan,

A handwritten signature in black ink over a blue rectangular stamp.

DR. LYDIARITA M. MARAJIN
PENGARAH HOSPITAL
HOSPITAL KOTA MARUDU
NO. MMC: 51398

24/4/19

POLISI JAWATANKUASA PROMOSI KESIHATAN

Jawatankuasa Promosi Kesihatan

Pengerusi : Pengarah Hospital

Penyelaras : Boleh terdiri daripada anggota pelbagai skim yang dilantik oleh Pengerusi

AJK lain : Boleh terdiri daripada anggota pelbagai skim yang dilantik oleh Pengerusi

Fungsi Jawatankuasa Promosi Kesihatan

Bertanggungjawab melaksanakan program-program sokongan klinikal:

- I. Merancang, menyelaras dan melaksana program pendidikan pesakit bagi membantu proses rawatan dan penyembuhan pesakit.
- II. Menyediakan maklumat kesihatan yang berkaitan kepada kumpulan sasaran khasnya dan masyarakat umumnya bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka mengenai kesihatan.
- III. Merancang, menyelaras, dan melaksana program-program kesihatan sempena tema Sambutan Hari-hari Khas Kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- IV. Bertanggungjawab untuk pengisian data aktiviti pendidikan kesihatan secara online di Sistem Pengumpulan Maklumat Aktiviti Promosi Kesihatan (SISPEK).
- V. Merancang program promosi kesihatan & pendidikan pesakit di seluruh Jabatan, Unit, dan Wad secara am.
- VI. Mengurus Perkhidmatan Promosi Pendermaan Organ Pesakit dan Komuniti.
- VII. Mengurus Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok melibatkan pesakit luar, pesakit dalam, dan komuniti.
- VIII. Penerbitan bahan-bahan pendidikan kesihatan untuk kegunaan pesakit dan keluarga bagi meningkatkan kesedaran dan sebagai panduan untuk menguruskan penyakit mereka.

- IX. Menjalin hubungan dan kerjasama (smart partnership) dengan organisasi bukan kerajaan bagi melaksanakan program-program pendidikan kesihatan dan gaya hidup sihat.
- X. Melaksanakan arahan pihak pengurusan hospital dari masa ke semasa terutama berkaitan promosi kesihatan.

POLISI JAWATANKUASA ANTIDADAH

Jawatankuasa Antidadah

Pengerusi : Pengarah Hospital

Penyelaras : Pegawai Farmasi yang dilantik oleh Pengerusi

AJK lain : Boleh terdiri daripada anggota pelbagai skim yang dilantik oleh Pengerusi

Fungsi Jawatankuasa Antidadah

- I. Mengadakan mesyuarat untuk membincangkan hal-hal/agenda berkaitan.
- II. Merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dipersetujui sepanjang tahun. Antara aktiviti-aktiviti yang berkaitan adalah seperti berikut:
 - i. Aktiviti promosi dan pameran kesedaran antidadah di kalangan anggota dan masyarakat.
 - ii. Aktiviti ceramah antidadah dengan kerjasama dari agensi AADK yang menyasarkan anggota staf dan orang awam.
 - iii. Ujian saringan urin rawak di kalangan anggota dengan kerjasama dari pihak AADK setempat. Sasaran adalah 10% daripada keseluruhan anggota staf dijalani ujian saringan urin secara rawak bagi setiap tahun.
 - iv. Minggu antidadah di peringkat hospital untuk meningkatkan kesedaran antidadah di kalangan anggota staf dan masyarakat.

- III. Membuat tindakan susulan mengenai semua keputusan mesyuarat yang berkaitan.
- IV. Memutuskan lain-lain hal yang berkaitan dengan aktiviti antidadah.
- V. Menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti antidadah kepada urusetia JK antidadah JKNS bagi setiap suku 3 bulan.